

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Permasalahan Kajian

Adalah menjadi satu kebiasaan bagi para pekerja menerima gaji dan faedah sebagai pampasan terhadap penat lelah mereka. Malahan, nilai pakej faedah mungkin seimbang dengan nilai gaji yang diterima. Faedah ini boleh kedua-duanya iaitu dalam bentuk wang dan bukan dalam bentuk wang. Faedah yang bukan dalam bentuk wang sesetengahnya dikehendaki oleh undang-undang atau sebagai pilihan syarikat yang berkenaan. Perundangan yang memperkenalkan faedah-faedah termasuk Akta Pekerjaan, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Akta Keselamatan Sosial. Tujuan perundangan ini ialah untuk memastikan pekerja sihat, produktif dan berupaya menyara diri mereka apabila bersara nanti.

Kenapakah majikan memberikan faedah bukan dalam bentuk wang kepada para pekerja dan tidak membayar kesemuanya dalam bentuk gaji? Bagi majikan, amat mudah untuk membayar pekerja dalam bentuk gaji tanpa keperluan mengira elaun dan menyediakan faedah yang lain. Selain daripada keperluan perundangan, faedah bukan dalam bentuk wang mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Majikan-majikan menyediakan faedah bukan dalam bentuk wang kepada pekerja adalah kerana faedah yang dimaksudkan dapat mencapai matlamat seperti berikut :

- Menolong membendung pekerja-pekerja yang sedia ada daripada pindah kerja ke organisasi yang lain.

- Menolong menarik minat orang-orang yang berkelayakkan menyertai organisasi.
- Menghapuskan atau mengurangkan kadar ketidakhadiran pekerja ke tempat kerja.
- Pekerja-pekerja yang tergolong dalam kedudukan pengurusan, mungkin memilih faedah bukan dalam bentuk wang daripada gaji yang tinggi kerana implikasinya terhadap cukai pendapatan perseorangan.

Salah satu organisasi yang juga memberikan faedah bukan dalam bentuk wang adalah Tentera Darat Malaysia. Peruntukan atau bidang faedah bukan berbentuk wang dalam Tentera Darat Malaysia adalah merangkumi bidang yang lebih luas. Dalam Tentera Darat Malaysia pemilihan atau penentuan faedah bukan dalam bentuk wang bukanlah dipilih oleh anggotanya. Ianya adalah ditentukan oleh pihak pengurusan tertinggi Tentera Darat Malaysia(TDM). Ini adalah kerana TDM sememangnya mengetahui apa yang terbaik yang patut diberikan kepada anggotanya. Aspek-aspek keseragamannya dalam sesuatu faedah yang diberikan amat mustahak dalam usaha menentukan faedah bukan dalam bentuk wang agar ianya memberikan kesan yang diharapkan. Polisi di dalam menentukan faedah bukan berbentuk wang adalah sama di antara ketiga-tiga cawangan perkhidmatan iaitu Tentera Darat Malaysia(TDM), Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara DiRaja Malaysia(TUDM). Ini adalah kerana ketiga-tiga perkhidmatan tersebut adalah terletak di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia.

Peruntukan kerajaan dalam menyediakan faedah bukan dalam bentuk wang kepada anggota tentera bernilai berjuta-juta ringgit setiap tahun. Namun begitu ada di antara anggota-anggota TDM, TLDM dan TUDM yang masih tidak mengetahui akan kewujudan dan juga kepentingan faedah bukan dalam bentuk

wang. Akibatnya faedah yang dimaksudkan tersebut gagal berfungsi sepertimana yang diharapkan. Kelemahan dalam melihat kepentingan faedah tersebut sebagai salah satu pekara yang mustahak dalam perkhidmatan perlu dilihat dari berbagai sudut. Kemungkinan kelemahan ini berpunca dari sikap anggota itu sendiri yang gagal menggunakan faedah bukan dalam bentuk wang tersebut dengan lebih bermanfaat lagi. Justeru itu faktor-faktor yang dikira boleh mempengaruhi kepentingan faedah bukan berbentuk wang adalah seperti berikut :

- Pasukan atau unit-unit tidak menghebahkan faedah-faedah berbentuk wang kepada anggota-anggota bawahan. Oleh sebab itu mereka kurang memahami faedah tersebut Mereka juga mungkin kurang memahami dengan jelas kenapa faedah itu diberikan.
- Kebanyakan arahan-arahan yang bersangkutan dengan faedah ini hanya disimpan di Pejabat Tadbir pasukan dan tidak diedarkan kepada semua anggota.
- Pasukan masih lagi kurang berupaya menguruskan faedah-faedah bukan berbentuk wang dengan lebih efektif dalam menyelesaikan masalah kebajikan anggota bawahan di bawah pemerintahan mereka.
- Dasar berhubung faedah-faedah bukan dalam bentuk wang yang diagihkan ke pasukan-pasukan tidak mencukupi untuk dijadikan bahan bacaan atau rujukan. Kebiasaannya dasar tersebut hanya diletakkan di Pejabat Tadbir untuk urusan harian. Ini menyebabkan anggota menghadapi masalah untuk membacanya.

## **1.2 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif-objekif kajian faedah bukan dalam bentuk wang kepada semua anggota dalam Tentera Darat Malaysia adalah seperti berikut :

- i. Menerangkan jenis-jenis faedah bukan dalam bentuk wang yang diterima oleh semua anggota.
- ii. Memberi maklumat tentang kepentingan faedah agar anggota dapat menggunakannya dengan efektif.
- iii. Memberi cadangan bagi memperbaiki nilai faedah bukan dalam bentuk wang.
- iv. Mengesyorkan aspek pengurusan yang lebih mantap ke atas faedah bukan dalam bentuk wang di peringkat pasukan.

## **1.3 PENGUMPULAN DATA**

Kajian ini adalah bersifat deskriptif yang menerangkan faedah bukan dalam bentuk wang dalam Tentera Darat Malaysia. Data sekunder yang digunakan untuk kajian ini adalah mengandungi bahan rujukan yang diperolehi dari perpustakaan Universiti Malaya, perpustakaan Kementerian Pertahanan Malaysia dan perpustakaan Maktab Turus Angkatan Tentera Malaysia. Penyelidikan terhadap data sekunder membolehkan penulis memahami aspek-aspek yang bersangkutan dengan faedah bukan dalam bentuk wang.

Laporan-laporan dan dokumen-dokumen yang bersangkutan juga dirujuk. Laporan-laporan adalah diperolehi dari Cawangan Sumber Tenaga Manusia, Markas Permerintahan Lojistik Tentera Darat dan Jabatanarah Pelajaran, Kementerian Pertahanan, Malaysia. Melalui laporan ini tahap penggunaan faedah bukan dalam bentuk wang di dalam TDM dapat dinilai. Ini adalah kerana kesemua laporan-laporan berhubung faedah terbabit adalah dihantar ke markas yang dimaksudkan. Penyelidikan berhubung dengan bentuk-bentuk faedah yang ada dalam TDM akan diperolih dari dokumen-dokumen yang sedia ada di pasukan yang ada di sekitar Port Dickson, Negeri Sembilan. Sebelum proses pengumpulan data dilakukan, kebenaran didapati dari pihak-pihak yang berkenaan tentang data yang diperlukan agar mereka dapat membuat persediaan yang sewajarnya. Ianya sedikit sebanyak dapat mengurangkan masa yang diambil untuk mengumpul data.

#### **1.4 KEPENTINGAN KAJIAN**

Sejak tahun-tahun kebelakangan ini minat anak-anak muda untuk berkhidmat dalam perkhidmatan Tentera Darat telah menurun dengan begitu mendadak sekali. Di samping itu pula kadar pemberhentian oleh anggota-anggota yang masih berkhidmat juga meningkat dari tahun ke tahun. Walaupun anggota-anggota mempunyai peluang untuk berkhidmat sampai ke tahap kelayakan mendapatkan pensyen, ramai anggota-anggota tentera memilih bersara awal walaupun tanpa memperolehi sekiranya pensyen. Ini adalah kerana syarat perkhidmatan yang sedia ada membenarkan mereka berbuat demikian. Apa yang membimbangkan Tentera Darat Malaysia ialah bila mana anggota-anggota yang berkepakaran tertentu dan berpengalaman meninggalkan perkhidmatan dan mencebur diri di dalam sektor swasta. Keadaan ini amat merugikan TDM dan kerajaan kerana telah membelanjakan wang yang banyak untuk melatih

anggota berkenaan. Sememangnya pegawai dan anggota terikat dengan perjanjian kontrak selepas berkursus atau melanjutkan pengajian di pusat pengajian tinggi. Adalah lebih baik dan menguntungkan lagi jika pegawai dan anggota tersebut terus berkhidmat dalam TDM sehingga mereka bersara wajib.

Jadual 1 menunjukkan statistik pengambilan dan pemberhentian pegawai dari tahun 1992 hingga tahun 1996. Jumlah bersih pemberhentian adalah tertinggi pada tahun 1993 iaitu seramai 224 orang pegawai. Jumlah pemberhentian bersih adalah terendah pada tahun 1994 iaitu seramai 19 orang pegawai. Jumlah bersih purata pemberhentian pada tiap-tiap tahun mulai tahun 1992 hingga 1996 ialah seramai 310 orang pegawai berbanding dengan pengambilan seramai 173 orang pegawai. Walaupun jumlah bersih pemberhentian pegawai adalah termasuk golongan pegawai yang bersara wajib tetapi aspek keseimbangan dalam pengambilan perlu diberikan perhatian. Perbandingan pengambilan dan pemberhentian pegawai juga ditunjukkan dalam Rajah 1.

Jadual 2 dan Rajah 2 menunjukkan jumlah pengambilan dan pemberhentian bagi golongan lain-lain pangkat untuk jangka yang sama. Jumlah pemberhentian telah melebihi pengambilan dalam tahun 1994 dan 1995. Jumlah bersih anggota (704 orang anggota) lain-lain pangkat yang berhenti adalah yang paling tinggi pada tahun 1994. Bilangan purata pengambilan anggota lain-lain pangkat yang masuk berkhidmat dalam Tentera Darat Malaysia diantara tahun 1992 hingga 1996 ialah seramai 4362 orang anggota. Purata anggota lain-lain pangkat yang berhenti di tiap-tiap tahun antara tahun berkenaan ialah 3760 orang anggota.

Jadual 1

STATISTIK PENGAMBILAN DAN PEMBERHENTIAN PEGAWAI, 1992 - 1996


TAHUN	PENGAMBILAN	PEMBERHENTIAN	JUMLAH BERSIH PEMBERHENTIAN
1992	157	296	- 139
1993	112	336	- 224
1994	223	242	- 19
1995	174	368	- 194
1996	195	305	- 110

\* Catatan

(-) Jumlah pemberhentian melebihi pengambilan.

Rajah 1

Perbandingan Pemberhentian dan Pengambilan Pegawai tahun 1992 - 1996



Sumber: Cawangan Sumber Tenaga Manusia, Markas Tentera Darat Malaysia, Kuala Lumpur.

Jadual 2

STATISTIK PENGAMBILAN DAN PEMBERHENTIAN LAIN-LAIN PANGKAT, 1992 - 1996

TAHUN	PENGAMBILAN	PEMBERHENTIAN	JUMLAH BERSIH
1992	5459	3297	+ 2162
1993	5277	3749	+ 1528
1994	4447	5151	- 704
1995	3367	3792	- 425
1996	3256	2811	+ 445

\* Catatan


(+) Jumlah pengambilan melebihi pemberhentian.

(-) Jumlah pemberhentian melebihi pengambilan.

Rajah 2

Perbandingan Pengambilan dan Pemberhentian anggota lain-lain pangkat,

1992 - 1996



Sumber: Cawangan Sumber Tenaga Manusia, Markas Tentera Darat Malaysia, Kuala Lumpur



Fenomena ini sesungguhnya berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi negara yang begitu pesat sekali. Kekurangan pasaran buruh di sektor perkilangan dan juga pembinaan menggamit anggota tentera untuk berkhidmat untuk mereka dengan gaji dan faedah-faedah yang lebih menarik. Masalah juga berkait rapat dengan minat seseorang individu terhadap perkhidmatan tentera itu sendiri. Ianya ditambahkan lagi dengan kadar gaji dan lain-lain faedah yang diperolehi dalam Tentera Darat Malaysia. Justeru itu adalah menjadi objektif kajian ini untuk mengupas akan kepentingan faedah bukan berbentuk wang yang disediakan dalam perkhidmatan Tentera Darat Malaysia. Sistem pemberian faedah dan prestasinya akan dikaji secara lebih mendalam.

#### **1.4.1 Kekuatan Semasa Tentera Darat**

- **Pegawai.** Pegangan pada masa ini ialah seramai 4,841 orang atau pun 75% daripada perjawatan. Kekurangan ini ialah seramai 1,648 orang pegawai atau 25%. Kekurangan yang paling ketara ialah bagi kumpulan pangkat Mejar, Kapten dan Sabaltan.
- **Lain-lain Pangkat.** Pegangan pada masa ini adalah seramai 76,860 orang anggota atau pun 75.5% dari perjawatan keseluruhan. Kekurangan ini ialah yang paling ketara bagi berpangkat Prebet dan setaraf iaitu kekurangan sebanyak 12,753 orang anggota.

Pengisian Jawatan Pegawai dan Lain-lain Pangkat pada 31 Mac 97 adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3

Statistik Pegawai dan Lain-lain Pangkat Tentera Darat

Pegawai

Bil	Pangkat	Jawatan	Peratus	Pengisian	+/-	% -
(a)	(b)	(c)	(d)	(e)	(f)	(g)
1.	Jen	2	0.03%	2	0	-
2.	Lt Jen	3	0.05%	3	0	-
3.	Mej Jen	7	0.10%	12	5	-
4.	Brig Jen	23	0.40%	34	11	-
5.	Kol	80	1.24%	105	25	-
6.	Lt Kol	400	6.20%	404	4	-
7.	Mej	2189	34%	1563	- 626	- 29%
8.	Kapt	2387	37.04%	1647	- 740	- 31%
9.	Sabaltan	1353	21.00%	1071	- 282	- 21%
10.	Jumlah	6444	100%	4841	- 1648	- 25%

Lain-lain Pangkat

Bil	Pangkat	Jawatan	Peratus	Pengisian	+/-	% -
(a)	(b)	(c)	(d)	(e)	(f)	(g)
1.	PW 1	563	0.55%	448	- 115	- 20.46%
2.	PW 2	2769	2.72%	2015	- 754	- 27.23%
3.	SSjn	2885	2.83%	2357	- 528	- 18.30%
4.	Sjn	8677	8.53%	6946	- 1731	- 19.95%
5.	Kpl	19511	19.17%	15738	- 3773	- 19.33%
6.	Lkpl	19651	19.31%	14383	- 5268	- 26.80%
7.	Pbt	47726	46.90%	34973	- 12753	- 26.72%
8.	Jumlah	101782	100%	76860	- 24922	- 24.49%

Sumber: Cawangan Sumber Tenaga Manusia Departmen Tentera Darat Bertankh 31 Mac 97

## 1.5 ORGANISASI

Kajian ini mengandungi lima bab. Bab 1 mengandungi pengenalan kajian. Sorotan karya yang mengkaji dari berbagai aspek faedah bukan dalam bentuk wang dimuatkan dalam Bab 2. Latarbelakang organisasi Tentera Darat Malaysia dipersembahkan dalam Bab 3. Bab ini menyentuh berhubung dengan penubuhan Tentera Darat Malaysia dan organisasi yang bertanggung jawab mentadbirkannya. Bab 4 membincangkan faedah-faedah bukan dalam bentuk wang yang terdapat dalam Tentera Darat Malaysia. Keputusan kajian dan cadangan dihuraikan dalam Bab 5.